

Kepentingan membuat penamaan

Pengenalan

Ini merupakan panduan untuk membantu anda memahami betapa pentingnya membuat penamaan dalam polisi insurans hayat anda bagi menjaga kepentingan orang yang anda sayangi.

Ia memberikan sedikit maklumat asas untuk membantu anda memahami proses penamaan dan manfaatnya. Penerangan ringkas mengenai beberapa istilah teknikal yang digunakan juga disediakan untuk membantu pembacaan anda.

Membuat penamaan

Tujuan mempunyai insurans hayat adalah untuk memastikan bahawa orang yang anda sayangi dilindungi dari segi kewangan jika terjadi sesuatu terhadap diri anda. Sekiranya anda tidak membuat penamaan di dalam polisi insurans anda, syarikat insurans anda berhak untuk tidak melepaskan wang polisi sehinggalah orang yang disayangi mendapatkan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian, yang mungkin mengambil masa beberapa tahun. Walau bagaimanapun, sekiranya ada penamaan, wang polisi boleh diagihkan dengan lebih cepat tanpa perlu mendapatkan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.

Tambahan pula, bagi pemegang polisi yang bukan beragama Islam, suatu amanah akan diwujudkan untuk penama di bawah keadaan-keadaan berikut:

- jika penama adalah suami atau isteri atau anak pemegang polisi, atau
- jika penama adalah ibu bapa pemegang polisi (dengan syarat tidak ada suami atau isteri atau anak yang masih hidup pada masa penamaan dibuat)

Apabila amanah sedemikian diwujudkan, polisi berkenaan dikenali sebagai polisi amanah. Sebagai polisi amanah, wang polisi tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia dan oleh itu, tidak tertakluk kepada hutang-piutang simati. Ini akan memastikan penama tersebut dapat memperoleh sepenuhnya wang polisi yang dibayar. Walau bagaimanapun, kaedah ini hanya diterima pakai sekiranya polisi diambil secara jujur dan tanpa niat untuk menipu pemiutang.

Polisi amanah tidak diguna pakai bagi kes pemegang polisi yang beragama Islam. Penama bagi pemegang polisi yang beragama Islam menerima wang polisi hanya sebagai wasi dan ia mestilah mengagihkan wang itu mengikut undang-undang Islam.

Bilakah saya perlu membuat penamaan?

Sekiranya anda berumur 18 tahun dan ke atas, anda boleh menamakan seorang individu atau beberapa individu untuk menerima wang polisi apabila anda meninggal dunia. Penamaan biasanya dilakukan semasa membuat permohonan polisi insurans hayat atau pada bila-bila masa dirasakan perlu.

Bagaimanakah cara membuat penamaan?

Isikan borang penamaan yang disediakan oleh syarikat insurans yang biasanya memerlukan butir-butir penama seperti berikut:

- nama
- tarikh lahir
- nombor kad pengenalan atau sijil kelahiran
- alamat.



Pastikan borang penamaan ditandatangani oleh seorang saksi yang berumur 18 tahun dan ke atas, sempurna akal, dan juga bukan penama anda.



Pastikan syarikat insurans anda mengesahkan penamaan sama ada di dalam dokumen polisi atau borang penamaan.

Anda boleh menamakan lebih daripada seorang penama, dan nyatakan kadar bahagian hak bagi setiap penama. Contohnya:-

Nama	No. K.P	Bahagian
Tan Mei Ling	601212-21-1010	50%
Lim Jet Li	850619-22-5000	20%
Lim King Sing	430915-23-6050	30%

Jika anda tidak menetapkan kadar bahagian yang perlu dibayar kepada setiap penama, wang polisi akan diagihkan sama rata di kalangan penama.

Siapakah yang boleh saya lantik sebagai penama?

Anda bebas untuk menamakan sesiapa yang anda kehendaki. Walau bagaimanapun, tidak semua penama akan menerima wang polisi secara benefisial atau untuk kegunaan mereka sendiri.

Dalam kes di mana pemegang polisi bukan seorang Islam, tertakluk kepada pertalian di antara pemegang polisi dengan penama, seseorang penama boleh menerima bahagian wang polisinya sama ada secara benefisial atau sebagai pemegang amanah atau wasi.

Jika penama adalah suami atau isteri atau anaknya, suatu amanah akan diwujudkan bagi penama yang akan menerima wang polisi secara benefisial. Jika tidak ada suami atau isteri atau anak yang masih hidup ketika penamaan dibuat, dan anda menamakan ibu bapa anda, maka suatu amanah akan diwujudkan bagi ibu bapa anda dan mereka akan menerima wang polisi secara benefisial. Dalam kes sedemikian, polisi tersebut dikenali sebagai polisi amanah.

Nota: Apabila polisi amanah telah diwujudkan, anda tidak boleh membatalkan penamaan di bawah polisi, mengubah atau menyerahkan polisi, atau menyerahkan hak atau menyandarkan polisi sebagai cagaran, tanpa kebenaran bertulis daripada pemegang amanah].

Walau bagaimanapun, jika suami atau isteri atau anak masih hidup pada masa penamaan dibuat dan anda menamakan suami atau isteri dan ibu bapa anda atau anda menamakan anak dan ibu bapa anda, maka dalam kedua-dua kes ini hanya satu amanah akan diwujudkan, iaitu bagi suami atau isteri atau anak anda tetapi tidak bagi ibu bapa anda. Begitu juga, jika suami atau isteri atau anak anda masih hidup pada masa penamaan dibuat dan anda hanya menamakan ibu bapa anda, tiada amanah akan diwujudkan bagi ibu bapa anda.

Jika penama adalah bukan suami atau isteri atau anak atau ibu bapa kepada pemegang polisi (sekiranya tidak ada suami atau isteri atau anak pada masa penamaan dibuat), penama akan menerima wang polisi hanya sebagai wasi dan ia hendaklah mengagihkan wang itu mengikut wasiat, atau jika tidak ada wasiat, mengagihkan mengikut kehendak undang-undang pengagihan yang berkaitan. Dalam kes sedemikian, polisi berkenaan dikenali sebagai polisi bukan-amanah. Wang polisi itu akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka simati dan tertakluk kepada hutang-piutangnya.

Sebagai contoh, jika anda menamakan abang anda, dia akan menerima wang polisi sebagai wasi. Wang polisi itu akan menjadi sebahagian daripada harta pusaka anda dan abang anda adalah berkewajipan untuk mengagihkan wang polisi dengan sewajarnya, termasuk kepada pemiutangnya, sekiranya ada. Jika ada suami atau isteri, anak atau ibu bapa anda yang masih hidup, dan tidak ada sebarang wasiat, maka menurut Akta Pembahagian 1958, abang anda tidak akan mewarisi apa-apa daripada harta pusaka anda.

[Nota: Seperti yang dinyatakan sebelum ini, dalam kes pemegang polisi yang beragama Islam, tidak kira apapun pertaliannya, penama hanya boleh menerima wang polisi sebagai wasi dan mestilah mengagihkan wang itu mengikut undang-undang Islam].

Peranan pemegang amanah

Pemegang amanah boleh juga dilantik untuk menerima wang polisi bagi polisi amanah. Apabila pemegang polisi meninggal dunia, tugas pemegang amanah ialah menerima wang polisi dan mengagihkan dengan sewajarnya kepada penama-penama. Pemegang amanah hendaklah bertindak bagi kepentingan penama pada setiap masa.

Pelantikan pemegang amanah penting terutamanya bagi anak yang berumur di bawah 18 tahun kerana dari segi undang-undang, mereka yang di bawah umur dianggap tidak kompeten untuk mengadakan kontrak. Oleh itu mereka tidak boleh menerima wang polisi secara terus. Jika tidak ada pemegang amanah yang dilantik dan kanak-kanak adalah penama polisi, maka ibu bapanya yang masih hidup adalah pemegang amanahnya. Jika ibu bapanya sudah meninggal dunia, maka Pemegang Amanah Raya akan bertindak sebagai pemegang amanahnya. Setelah pemegang amanah menerima wang polisi daripada syarikat insurans, syarikat insurans dilepaskan daripada segala liabiliti berhubung dengan wang polisi yang dibayar kepada pemegang amanah.

Dalam kes di mana penama berumur 18 tahun dan ke atas, dan tidak ada pemegang amanah yang dilantik, penama akan bertindak sebagai pemegang amanah bagi wang polisi.

Menukar penamaan

Anda boleh meminda penamaan dengan menulis kepada syarikat insurans hayat anda. Penamaan yang terakhir akan menggantikan kesemua penamaan yang terdahulu. Penamaan

akan dianggap batal apabila penama atau semua penama (jika lebih daripada seorang penama) meninggal dunia pada masa pemegang polisi masih hidup. Walau bagaimanapun, dalam kes polisi amanah, penamaan tidak boleh dibatalkan tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada pemegang amanah.

Apakah akan terjadi jika tiada penamaan?

Jika tiada penamaan dibuat, syarikat insurans akan membayar wang polisi kepada pemohon yang mengemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.

Walaupun bagaimanapun, syarikat insurans atas budi bicaranya sendiri, boleh membuat bayaran kepada pihak yang menuntut tanpa memerlukan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian di bawah keadaan-keadaan berikut:

- jika pihak menuntut adalah suami atau isteri, anak atau ibu bapa pemegang polisi, syarikat insurans boleh membayar kepada suami atau isteri, anak atau ibu bapa pemegang polisi mengikut aturan keutamaannya. Jika terdapat lebih daripada seorang dalam mana-mana kategori tersebut di atas, maka semua individu dalam kategori itu akan dibayar bahagian yang sama rata.
- jika tiada suami atau isteri, anak atau ibu bapa dan wang polisi tidak melebihi RM100,000:
 - Syarikat insurans boleh membayar wang polisi kepada seseorang yang syarikat insurans berpuashati yang orang tersebut berhak dan berkemungkinan diberikan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian, atau kepada seseorang yang syarikat insurans berpuashati yang orang itu berhak secara benefisial kepada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia tersebut.
- jika tiada suami atau isteri, anak atau ibu bapa dan wang polisi melebihi RM100,000:
 - syarikat insurans boleh membayar RM100,000 yang pertama kepada seseorang seperti yang dinyatakan dalam perenggan di atas. Baki wang polisi akan dibayar kepada orang yang sama apabila orang itu mengemukakan Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian.
 - Walaupun bagaimanapun, setelah tamat tempoh 12 bulan selepas bayaran RM100,000 pertama dibuat dan tiada tuntutan untuk baki wang polisi oleh sesiapa yang memegang Perintah Probet atau Surat Kuasa Mentadbir atau Perintah Pembahagian, syarikat insurans akan membayar baki tersebut kepada orang yang telah menerima pembayaran pertama.

Jika tiada penamaan telah dibuat, orang yang menerima wang polisi hanya menerima wang itu sebagai wasi dan ia hendaklah mengagihkannya mengikut wasiat simati, atau jika tiada wasiat, mengagihkannya mengikut undang-undang pembahagian yang berkaitan.

Bagaimana membuat aduan dan saluran penyelesaian yang ada

- Sekiranya anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan syarikat insurans anda atau anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda hendaklah terlebih dahulu cuba menyelesaikan aduan tersebut dengan Unit Aduan syarikat insurans berkenaan.
- Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat, anda boleh menulis sama ada kepada Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau atau FMB) atau Bank Negara Malaysia yang akan mengendalikan aduan anda secara percuma. Anda boleh merujuk kepada pegawai di Unit Aduan syarikat insurans yang berkaitan tentang saluran yang betul untuk mengendalikan aduan anda.

- Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan kepada FMB, aduan itu hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh keputusan muktamad syarikat insurans. FMB mengendalikan pertikaian antara pihak menuntut dengan syarikat insuransnya sendiri atau syarikat insurans pihak ketiga.
- FMB merupakan sebuah badan bebas yang menyediakan saluran yang cepat, mudah dan cekap bagi pengguna merujuk aduan atau pertikaian untuk penyelesaian sebagai alternatif kepada mahkamah.
- Walau bagaimanapun, FMB tidak mengendalikan pertikaian yang melibatkan harga produk insurans dan isu pengunderaitan, kes penipuan dan kes yang telah atau sedang dirujuk di mahkamah.
 - Selain itu, aduan yang dirujuk kepada FMB adalah terhad kepada:-
 - RM200,000 bagi polisi insurans motor dan kebakaran.
 - RM100,000 bagi polisi insurans yang lain.
 - RM5,000 bagi tuntutan kerosakan harta pihak ketiga.
- Bagi kes yang bukan di bawah bidang kuasa FMB, anda boleh mengemukakan aduan tersebut kepada Bank Negara Malaysia.

Maklumat terperinci tentang cara membuat aduan boleh didapati dalam buku kecil bertajuk "Asas-asas Insurans dan Takaful" atau dengan mengakses laman web FMB di www.fmb.org.my. Sebagai pilihan lain, anda boleh juga mendapatkan maklumat daripada laman web kami di www.insuranceinfo.com.my.

Memahami istilah penting yang digunakan

Benefisiari - orang yang berhak menerima wang polisi di bawah polisi insurans hayat untuk manfaatnya sendiri (secara benefisial), dan bukan hanya setakat menjadi wasi atau pemegang amanah yang memegang wang polisi untuk orang lain.

Pemegang Amanah - seseorang yang diserahkan kepadanya hak milik sah bagi harta yang dipegangnya bukan untuk manfaat dirinya sendiri tetapi sebagai amanah untuk manfaat atau kepentingan orang lain

Pemegang Amanah Raya - badan berkanun yang ditubuhkan untuk membantu mengurus harta pusaka simati, apabila diperlukan. Di Malaysia, Amanah Raya Berhad ialah pemegang amanah raya. Amanah Raya Berhad bertindak sebagai penjaga pemegang amanah dan boleh dilantik sebagai pemegang amanah bagi sebarang wasiat atau penyelenggaraan kewangan atau amanah, atau menjalankan apa-apa amanah atau tugas tertentu. Ia juga boleh diberi perintah probet untuk wasiat atau surat kuasa mentadbir oleh mahkamah. Amanah Raya Berhad juga boleh dilantik oleh mahkamah untuk menggantikan semua atau mana-mana wasi, pentadbir atau pemegang amanah yang sedia ada, sekiranya ada permohonan daripada benefisiari.

Penama - orang yang dinamakan di dalam polisi insurans oleh pemegang polisi untuk sama ada menerima dan/atau mentadbir wang polisi apabila pemegang polisi meninggal dunia.

Perintah Pembahagian - perintah yang dibuat oleh mahkamah untuk membahagi-bahagikan harta pusaka simati yang tidak meninggalkan wasiat, menurut undang-undang.

Perintah Probet - dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah yang memberi kuasa kepada wasi yang dilantik oleh simati di dalam wasiatnya untuk mentadbir harta pusaka selaras dengan wasiat simati.

Polisi Amanah - polisi insurans yang penamanya ialah suami atau isteri atau anak pemegang polisi, atau jika tidak ada suami atau isteri atau anak pada masa penamaan, ibu bapa pemegang polisi. Di bawah polisi ini, wang polisi tidak menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia dan tidak tertakluk kepada hutang-piutang simati.

Polisi Bukan-Amanah - polisi insurans yang mana wang polisinya menjadi sebahagian daripada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia dan tertakluk kepada hutang-piutang simati.

Surat Kuasa Mentadbir - dokumen rasmi yang dikeluarkan oleh mahkamah kepada seseorang untuk mentadbir harta pusaka simati yang tidak meninggalkan wasiat.

Wang Polisi - jumlah wang, termasuk apa-apa manfaat sama ada bernilai monetari atau tidak, yang kena dibayar di bawah polisi insurans.

Wasi - orang yang dilantik dalam wasiat untuk mentadbir harta pusaka simati mengikut kehendak wasiat simati, dan diberikan perintah probet oleh mahkamah untuk berbuat demikian. Untuk tujuan Akta Insurans 1996, rujukan kepada "wasi" adalah dimaksudkan kepada penama polisi bukan-amanah yang menerima wang polisi bukan sebagai benefisiari tetapi sebagai seseorang yang mesti memindahkan wang polisi kepada harta pusaka pemegang polisi yang meninggal dunia untuk pembahagian.